

TARIKH	13 / 7 / 2015	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	2	RUANGAN	



Najib pada Majlis Penyampaian Sumbangan Zakat Parlimen Pekan di Dewan Konvensyen Pekan, semalam. (FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR/BH)

Najib agih zakat kepada 5,981 asnaf

Pekan: Seramai 5,981 warga tua, ibu tunggal dan orang kelainan upaya (OKU) memenuhi Dewan Konvensyen Pekan di sini, untuk menerima sendiri bantuan zakat yang diserahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Program tahunan itu sememangnya mengurangkan beban golongan kurang berkemampuan di daerah ini dalam membuat persiapan sambu-

tan Aidilfitri.

Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan menerima sumbangan zakat daripada sektor korporat dan bank sebanyak RM1.6 juta untuk diagihkan kepada golongan berkenaan dalam kawasan Parlimen itu, antaranya Bank Rakyat sebanyak RM600,000, UDA Holdings Berhad (RM200,000), Lembaga Tabung Haji, Affin Islamic Bank Berhad, Roadcare (M) Sdn Bhd (masing-masing RM100,000), SME Bank

dan Yayasan Basmi Kemiskinan pula masing-masing RM50,000.

Utama kepentingan rakyat
Sementara itu, pada majlis penyerahan sumbangan kepada warga tua di Masjid Kampung Paloh Hinai, dekat sini, malam tadi, Perdana Menteri memberi jaminan sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat dalam pentadbirannya.

Sambil berterima kasih ke-

pada semua pihak yang terus memberi sokongan kepadanya, Perdana Menteri berharap semua pihak tidak bimbang dengan tuduhan yang dilemparkan kepadanya.

"Saya sebagai Perdana Menteri tahu tanggungjawab saya. Saya tidak akan mengecewakan rakyat dan meneruskan pentadbiran kerajaan mengikut pertimbangan terbaik untuk rakyat serta memastikan Malaysia mencapai status negara maju," katanya.